

HOVID-PREDNISOLONE TABLET 5MG

Prednisolone (5mg)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan hovid-Prednisolone
2. Bagaimana hovid-Prednisolone berfungsi
3. Sebelum menggunakan hovid-Prednisolone
4. Cara menggunakan hovid-Prednisolone
5. Semasa menggunakan hovid-Prednisolone
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan hovid-Prednisolone
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran Produk
11. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan hovid-Prednisolone
hovid-Prednisolone digunakan untuk mengurangkan keradangan dalam keadaan seperti *rheumatoid arthritis*, demam *rheumatic*, *status asthmaticus* dan ulser kolitis.

Bagaimana hovid-Prednisolone berfungsi

hovid-Prednisolone tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai kortikosteroid.

Prednisolone berfungsi dengan mengurangkan keradangan dan menyekat tindak balas imun badan. Ia bertindak dengan mengurangkan aktiviti sel-sel imun tertentu dan bahan-bahan yang terlibat dalam keradangan.

Sebelum menggunakan hovid-Prednisolone

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap Prednisolone atau mana-mana bahan lain terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).

- Sebelum menggunakannya

Beritahu doktor / pegawai farmasi jika:

- Anda mempunyai *systemic sclerosis* (penyakit autoimun). Dos harian 15 mg atau lebih boleh meningkatkan risiko komplikasi serius dipanggil krisis *renal scleroderma*

- (peningkatan tekanan darah dan pengurangan kencing).
- Anda mempunyai *pheochromocytoma* (tumor kelenjar adrenal)
 - Anda mengalami *osteoporosis* terutama wanita selepas menopause
 - Anda mempunyai tekanan darah tinggi
 - Anda menghadapi diabetes atau mempunyai sejarah keluarga diabetes
 - Anda mempunyai atau pernah mempunyai tuberkulosis
 - Anda mempunyai glaukoma
 - Anda pernah mengalami kelemahan otot akibat rawatan steroid
 - Anda mempunyai masalah hati atau buah pinggang yang teruk
 - Anda mempunyai ulser perut
 - Anda mempunyai kelenjar tiroid kurang aktif
 - Anda menerima vaksin hidup
 - Anda sedang mengambil ubat lain

Mengandung dan menyusukan anak
Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

Penyusuan anak: Penggunaan tidak digalakkan bagi ibu yang sedang menyusukan bayi, sekiranya boleh dielakkan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil:

- Barbiturat, phenytoin atau ubat sawan lain
- Rifampicin yang merawat jangkitan
- Aspirin dan NSAID lain (contoh ibuprofen) yang merawat kesakitan dan keradangan
- Antikoagulan coumarin dan heparin (ubat cair darah)

- Digoxin dan ubat dalam kumpulan glikosida jantung untuk rawatan serangan jantung
- Ephedrine untuk mengawal sesak nafas semasa asma
- Insulin atau ubat lain untuk rawatan kencing manis
- Ubat tertentu yang boleh mengganggu fungsi hati untuk menguraikan ubat termasuk produk yang mengandungi cobicistat
- Alkohol

Cara menggunakan hovid-Prednisolone

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Berapa banyak harus digunakan

Untuk pengambilan secara mulut sahaja. Ambil bersama atau selepas makanan dengan segelas air penuh.

Dewasa

1 hingga 12 tablet sehari sebagai dos tunggal atau berbahagi, maksimum 250 mg sehari (50 tablet)

Kanak-kanak

Mengikut arahan doktor. Guna dos paling kecil dan tempoh paling singkat. Ubat ini boleh melambatkan pertumbuhan.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Anda mungkin perlu mengurangkan dos secara beransur-ansur. Jika rawatan dihentikan terlalu cepat, ia boleh membawa masalah teruk kepada kelenjar adrenal.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos

HOVID-PREDNISOLONE TABLET

Prednisolone (5mg)

yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan hovid-Prednisolone

- Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan hovid-Prednisolone.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Gunakan hovid-Prednisolone hanya dengan preskripsi doktor.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan hovid-Prednisolone kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau menggunakan jentera sehingga anda mengetahui tentang kesan hovid-Prednisolone terhadap anda.

Elakkan pengambilan alkohol semasa menggunakan hovid-Prednisolone.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, hovid-Prednisolone boleh menyebabkan kesan

sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah:

- Ketidakhadaman
- Ulser perut

Penggunaan hovid-Prednisolone sebagai dos yang tinggi atau penggunaan untuk jangka panjang boleh menyebabkan:

- Sindrom *Cushing* (pertambahan berat badan secara tiba-tiba, kembung di sekitar dada dan perut)
- Jerawat
- Osteoporosis (tulang menjadi lemah dan rapuh)
- Perubahan mental
- Gangguan hormon dalam badan

Dapatkan nasihat doktor / pegawai farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan sampingan lain yang tidak diinginkan dan tidak disenaraikan mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan hovid-Prednisolone

- Penyimpanan

Jauhi daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah 30°C.

- Pelupusan

Tiada arahan yang khusus. Sila rujuk pegawai farmasi untuk mengetahui cara pelupusan ubat yang tidak digunakan dengan betul.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Berbentuk bulat, berwarna putih, tablet tidak bersalut, muka cembung cetek dengan cetakkan "HD" timbul dan garisan belahan pada satu permukaan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif

Setiap tablet mengandungi 5 mg prednisolone

- *Bahan Tidak Aktif*
Lactose Monohydrate
Polyvinylpyrrolidone K-25
Magnesium Stearate
Cornstarch

- MAL Number:

MAL19860161AZ

Pengilang

HOVID Bhd.

Lot 56442, 7 ½ Miles, Jalan Ipoh/
Chemor, 31200 Chemor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

HOVID Bhd.

121, Jalan Tunku Abdul Rahman,
30010 Ipoh, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

30/06/2026

Nombor Siri:

NPRA(R2/2)260609/00075